



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Jabatan Pendidikan Negeri Pahang

Bandar Indera Mahkota

25604 Kuantan

Pahang Darul Makmur

Tel : 09-5715700

Faks : 09-5734857

Laman Web : jnpahang.moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNP.SPMd. 600-3/5/2 Jld.41 (28)

Tarikh : 24 Oktober 2025

Ts. Dr. Pua Chang Hong

Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

Lee Kong Chian Fakulti Kejuruteraan dan Sains

Universiti Tunku Abdul Rahman

Jalan Sungai Long, Bandar Sungai Long, Cheras

43000 Kajang

Selangor

YBrs Dr.,

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN DAN KEBENARAN
PENGLIBATAN MURID DALAM PROGRAM KUALA LUMPUR ENGINEERING
SCIENCE FAIR (KLESF) THE FAIR 2025**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pahang amat berbesar hati dan sentiasa mengalu-alukan kerjasama serta perkongsian pintar bersama-sama pihak agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam usaha membangunkan aktiviti kokurikulum dan memartabatkan pendidikan di negeri ini.

3. Sehubungan dengan itu, Jabatan Pendidikan Negeri Pahang mengambil maklum akan permohonan pihak YBrs Dr. serta **tiada halangan** untuk memberi kebenaran penyertaan dan pelibatan murid bagi program tersebut pada **14 hingga 16 November 2025**.

4. Walau bagaimanapun, pihak JPN ingin menarik perhatian YBrs Dr. bahawa pelaksanaan aktiviti berkenaan adalah tertakluk di bawah **Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.7/1988, Bil.8/1995, Bil.8/2009, Bil.5/2018** dan **Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010** serta mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum KPM dan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta mematuhi perkara-perkara berikut:

- 4.1 Pihak penganjur hendaklah mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pahang (JPNP), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) serta sekolah berkenaan;

- 4.2 semua murid dan guru terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 4.3 penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa/penjaga;
- 4.4 pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 4.5 surat kebenaran/kelulusan ini **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 4.6 penyertaan murid dan guru tidak mengganggu atau menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP)/program/aktiviti sekolah. Guru yang terlibat perlu menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) supaya PdP murid tidak terjejas serta memastikan Melindungi Masa Instruksional (MMI) dapat dilaksanakan dengan lancar;
- 4.7 pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 4.8 amalan nilai murni dan kesedaran sivik dapat dijadikan sebagai salah satu perkara yang wajib dilaksanakan sebelum/semasa/selepas program berlangsung bagi mendukung elemen urus tadbir insan (*Human Governance*) dalam kalangan murid sekolah;
- 4.9 tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah dan murid yang terlibat (merujuk SPI Bil.5/2018);
- 4.10 pihak penganjur dimohon agar mengemukakan **satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari** selepas pelaksanaan program tersebut; dan
- 4.11 JPN Pahang berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa.

5. Sebagai makluman YBrs Dr., kelulusan ini hanya sah untuk tujuan yang dipohon sahaja dan luput selepas tarikh **16 November 2025**. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara di atas, pihak YBrs Dr. boleh menghubungi **Encik Jamil Hamzah bin Sazali**, Penolong Pengarah Unit Pembangunan Bakat Murid (Kokurikulum) menerusi talian **09-5715893/ 016-2941982** atau e-mel: jamil sazali@moe.gov.my.

Kerjasama dan keprihatinan YBrs Dr. dalam perkara di atas amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(YUSOF BIN KASSIM)

Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pembangunan Murid
b.p. Pengarah Pendidikan Pahang

s.k. - Pengarah Pendidikan Pahang

- Fail